- a) Written notice must be given to us within 30 days of any occurrence likely to give rise to a claim in this Policy. Failure to give notice within the time provided will not invalidate any claim if it can be shown not to have been reasonably possible to give such notice and that notice was given as soon as was reasonably possible;
- b) If the Insured or any person acting on your behalf make a fraudulent claim under this Policy or engage in any fraudulent activity as a mean to obtain a benefit under this Policy, all benefits payable in respect of this Policy shall be forfeited;
- c) We have the right and opportunity to examine the injured Insured as often as required and to make an autopsy in the case of death where it is not forbidden by law;
- d) The Insured shall not without any written consent repudiate liability negotiate or make any admission offer promise of payment in connection with any accident or claim and we shall be entitled if it desires to take over and conduct in your name the defence of any claim or to prosecute in our name at our own expense and for own benefit any claim for indemnity or damages or otherwise against any persons and shall have full discretion in the conduct of any proceedings and in settlement of any claim you or/and your family shall give all such information and assistance as we may require.

B. Automatic Cancellation

This Policy shall deem to be cancelled on occurrence of the following event, whichever comes first:

- a) Immediate upon attainment of the Insured's age of 65, on the exact date of birth;
- b) Upon death of the Insured as a result of an accident giving rise to a claim of which the full benefits of 100% of the Principal Sum Insured Amount as specified in the Schedule of Benefits has been paid.

C. Payment of Benefits

Benefit payable under this Policy shall be paid to the Insured, in the event of death of the Insured the benefit shall be paid to her/his named Beneficiary or her/his estate. If there is no such named Beneficiary, same in respect of an Insured who is a Muslim, in which case only, payment of benefit under this Policy may be determined by the appropriate Islamic Laws and the applicable Shariah Law

WARRANTIES /CLAUSES

1 Restriction Of Merchandise Warranty

Warranted that during the currency of this Policy, no part of the premises described herein be used for the manufacture or deposit or storage of merchandise.

2 Theft By Deception (Cheating) Clause

The Company shall not be liable for any loss or damage caused by or attributed to the act of cheating by any person within the meaning of the definition of the offence of cheating set out in the Penal Code

Cheating as defined in the Penal Code is as follows:-

"Whoever, by deceiving any person, fraudulently or dishonestly induces the person so deceived to deliver any property or intentionally induces the person so deceived to do or omit to do anything which he would not do or omit if he was not so deceived, and which act or omission caused or is likely to cause damage or harm to that person in body, mind, reputation or property, is said to 'cheat'.

3. Average Relief clause

If the property hereby Insured shall, at the time of any loss, be collectively of greater value than the sum Insured thereon, then the Insured shall be considered as being his own Insurer for the difference, and shall bear a rateable proportion of the loss accordingly.

It is hereby further noted and agreed that notwithstanding the declaration of individual sum insured within the policy, average will apply as though reference to property therein is in respect of all properties of the same insured at the same location insured therein.

This insurance is not subject to average if the sum insured exceed 85% of the value of the property insured at the time of loss.

4. Unvalued Policy Clause

This is an unvalued policy. The onus is on the Insured to prove the actual value of the property insured at the time of the happening of its destruction or the actual amount of such damage

5. Pairs And Sets Clauses

It is hereby declared and agreed that notwithstanding anything contained in this policy to the contrary, where any insured item consists of articles in pairs or set, the Company shall not be liable to pay more than the proportionate value of any particular pair or parts which may be lost, without reference to any special value which such article may have as part of such pair or set.

6. Agreed Value For Declared Art Objects, Paintings, Antiques, Watches, Jewelry, Precious Metal / Stone eg Gold, Silver, Platinum And Such Like Items

Notwithstanding anything to the contrary contained this policy, it is hereby declared and agreed that in the event of the declared property insured being totally lost destroyed or damaged by any peril Insured against, the liability of the Insurers shall not exceed the corresponding agreed value stated in the schedule below:-

Property Insured and Agreed Value

As specified in the Policy Schedule

Notwithstanding anything contained in this policy to the contrary, where any Insured items consist of

articles in a pair or set, the Company shall not be liable to pay more than the proportionate value of any particular parts which may be lost, without reference to any special value Which such article or articles may have as part of such pair or set.

Subject otherwise to the terms exceptions and conditions of the policy.

7. Provided always that all the conditions of the Policy shall apply as if they had been incorporated herein and for the purpose hereof any loss or damage as aforesaid shall be deemed to be loss or damage by fire.

Subject otherwise to the terms of the policy.

8. Reinstatement Value Clause (applicable to Property Insured aged less than 5 years from date of manufacture and loss/damage date)

Notwithstanding anything to the contrary contained in General Condition 22 of this policy, it is hereby declared and agreed that in the event of the property Insured under policy being destroyed or damaged, the basis upon which the amount payable under (each of the said items on the policy is to be calculated shall be the cost of replacing or reinstating on the same site property of the same kind or type but not superior to or more extensive than the insured property when new, subject to the following Special Provisions and subject also to the terms and conditions of the policy except insofar as the same may be varied hereby.

Special Provision

1. The work of replacement or reinstatement (which may be carried out upon another site and in any manner suitable to the requirements of the Insured subject to the liability of the Company nor being thereby increase) must be commenced and carried out with reasonable despatch and In any case must be completed within 12 months after the destruction or damage, or within such further time as the Company may (during the said 12 months) in writing allow otherwise no payment beyond the amount which would have been payable under the policy if this memorandum had not been incorporated therein shall be made

2. Until expenditure has been incurred by the Insured in replacing or reinstating the property destroyed or damaged the Company shall not be liable for any payment in excess of the amount which would have been payable under the policy if this memorandum had not been Incorporated therein

3. If at the time of replacement or reinstatement the sum representing the cost which would have been incurred in replacement or reinstatement if the whole of the property covered has been destroyed exceeds the sum Insured thereon at the breaking out of any fire or at the commencement of any destruction of or damage to such property by any other peril insured against by this policy, then the Insured shall be considered as being his own insurer for the excess and shall bear a rateable proportion of the loss accordingly. Each item of the policy (if more than one) to which this Memorandum applies shall be separately subject to the foregoing provision

4. This Memorandum shall be without force or effect if:-

- a) The Insured fails to intimate to the Company within six (6) months from the date of destruction or damage, or such further times as the Company may in writing allow his intention to replace or reinstate the property destroyed or damaged
- b) The Insured is unable or unwilling to replace or reinstate the property destroyed or damaged on the same or another site

No payment beyond the amount which would have been payable under the policy if this memorandum had not been incorporated therein shall be made if at the time of any destruction or damage to any property insured hereunder such property shall be covered by any other insurance effected by or on behalf of the Insured which is not upon the Identical basis of reinstatement set forth therein.

NOTICE TO POLICYHOLDER

Please examine the insurance Policy to ensure that it meets **Your** requirement.

To avoid misunderstanding, it is very important that the Policy, the Schedule and any Endorsements attached therein be read thoroughly.

If **You** have any complaints or grievances pertaining to **Your** policy, please contact **Your** agent, if any or get in touch with **Our** issuing office. **We** assure **You** that **Your** complaints will be attended to promptly.

For all intents and purposes where there is a conflict or ambiguity as to the meaning in the Bahasa Malaysia provisions of any part of the Contract, it is hereby agreed that the English version of the Contract shall prevail.

As a responsible insurer, **We** wish to bring **Your** attention that **You** could also address **Your** dissatisfaction to Ombudsman for Financial Services (OFS) or to Bank Negara Malaysia Customer Service Bureau (CSB) as listed below.

HOW TO LODGE A COMPLAINT

If **You** are unhappy with any aspect of **Our** service, **We** would like to hear from **You**. **You** can make **Your** complaint in whatever form is most convenient to **You** either via a phone call to **Our** receptionist or alternatively, by writing, faxing or e-mailing **Your** complaint to:

Complaints Handling Unit

RHB Insurance Berhad
Level 12B, West Wing, The Icon
No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak,
55000 Kuala Lumpur
Tel: 1300-220-007
Fax: 03-2163 7277
E-mail : complaints_unit@rhbinsurance.com.my

We will seek to respond to **Your** complaint within fourteen (14) days. If **We** cannot resolve the matter within the

aforsaid time frame when a matter is complex, **You** will be informed of the progress made with **Your** complaint. It will help **Us** to respond promptly if **You** give the following details:

1. **Your** name, address and contact no.
2. Cover note no. / Policy no. / Claim no.

If after taking these steps, **You** are still dissatisfied, **You** may write to:

The Complaints Management Unit

Ombudsman for Financial Services (OFS)
Level 14, Main Block
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811
Fax: 03-2272 1577
E-mail : enquiry@ofs.org.my
Website : www.ofs.org.my

If the Mediator makes an award against **Us**, **You** are required to inform the Mediator of **Your** decision to accept or deny the award within fourteen (14) days.

If **You** do not accept the award, **You** may reject the decision of the Mediator. **You** are free to institute a court proceeding against **Us** or refer it to Arbitration.

Alternatively **You** may put forward **Your** dissatisfaction over the conduct of **Us** by writing to Bank Negara Malaysia giving details of **Your** complaint and particulars of **Your** policy to:

BNMTELELINK

Corporate Communications Department
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1300-88-5465 (LINK)
Fax: 03-2174 1515
E-mail : bnmtelelink@bnm.gov.my
Website : www.insuranceinfo.com.my

POLISI INSURANS KANDUNGAN RUMAH

PERJANJIAN KITA

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan bayaran Premium yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi dan selaras dengan jawapan yang diberikan di dalam Borang Cadangan Diinsuranskan (atau semasa Diinsuranskan memohon untuk insurans ini) dan sebarang pendedahan lain yang dibuat oleh Diinsuranskan di antara waktu serahan Borang Cadangan Diinsuranskan (atau semasa Diinsuranskan memohon untuk insurans ini) dengan waktu kontrak ini dimeterai. Jawapan dan sebarang pendedahan lain yang Diinsuranskan berikan akan membentuk sebahagian daripada kontrak insurans di antara Diinsuranskan dan Syarikat. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Diinsuranskan atau di dalam sebarang pendedahan yang diberikan oleh Diinsuranskan, hanya remedi di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini menjelaskan terma dan syarat kontrak sebagaimana dipersetujui oleh Diinsuranskan dan Syarikat. DENGAN INI POLISI INI MEMPERSAKSIKAN bahawa untuk kejadian yang berlaku semasa Tempoh Insurans dan tertakluk kepada had, pengecualian dan syarat yang terkandung di sini atau diendorskan kepadanya (selepas ini dirujuk sebagai Terma-terma Polisi ini):

SYARIKAT akan membayar atau berdasarkan opsyen semasa pengembalian atau pembaikan, memberi INDEMNITI kepada Diinsuranskan terhadap kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang diinsuranskan yang disebabkan oleh mana-mana Bencana yang dinyatakan di bawah:

BENCANA

1. KEBAKARAN, KILAT, PETIR, KEBAKARAN DALAM TANAH.
 2. LETUPAN.
 3. PESAWAT dan sebarang peralatan udara dan/atau barangan yang terjatuh daripadanya
 4. IMPAK dengan mana-mana bangunan oleh mana-mana kenderaan jalanan atau haiwan yang bukan milik atau di bawah kawalan Diinsuranskan atau ahli keluarga beliau.
 5. TANGKI AIR, PERKAKAS ATAU PAIP DOMESTIK PECAH ATAU MELIMPAP kecuali:-
 - a) amaun kerugian pertama dan setiap daripadanya sebagaimana dinyatakan di dalam Had Liabiliti.
 - b) kemusnahan atau kerosakan berlaku semasa Rumah Persendirian tidak dihuni.
 6. KECURIAN tetapi hanya jika ianya melibatkan penggunaan keganasan dan paksaan untuk memecah masuk atau keluar dari rumah atau sebarang percubaan mencuri.
- TERTAKLUK bahawa jika Rumah Persendirian dibiarkan tidak dihuni selama lebih dari sembilan puluh (90) hari sama ada berturut-turut atau tidak, semasa mana-mana satu Tempoh Insurans, maka insurans untuk Bencana ini, kecuali dipersetujui dengan pengendorsan di sini, digantung sepenuhnya untuk sebarang tempoh apabila Rumah Persendirian

tidak dihuni selama lebih dari sembilan puluh (90) hari tersebut.

7. HURIKAN, SIKLON, TAUFAN, RIBUT ANGIN.
8. GEMPA BUMI, LETUSAN GUNUNG BERAPI.
9. BANJIR tetapi tidak termasuk kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah.

MANFAAT

A. Kerugian atau Kerosakan kepada Isi Rumah

Syarikat akan melindungi Diinsuranskan daripada sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh Bencana yang dinyatakan di atas kepada Isi Rumah yang akan merangkumi setiap barangan dalam rumah dan barangan peribadi (kecuali dinyatakan selepas ini) sebagai harta benda Diinsuranskan atau mana-mana ahli keluarga beliau termasuk orang gaji yang biasanya tinggal bersama beliau manakala yang termaktub sebagai Rumah Persendirian pula akan merangkumi Rumah Kediaman Persendirian, Flat atau Pangsapuri dan semua pejabat domestik, kandang, garaj dan bangunan luar yang digunakan sebagai sebahagian daripada kediaman dan berada di premis yang sama seperti di dalam Jadual.

Tertakluk bahawa:

- a) Mana-mana bahagian struktur atau siling, kertas dinding atau seumpamanya tidak dilindungi di bawah Bahagian ini.
- b) Bahagian ini tidak melindungi harta benda yang dilindungi secara spesifik, atau, kecuali dinyatakan secara khusus atau diendorskan kepada Jadual Manfaat, surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota perjanjian, cek, sekuriti untuk wang, setem, sebarang bentuk dokumen, wang tunai, matawang asing, wang kertas, manuskrip, pingat dan wang syiling, kenderaan bermotor dan aksesori, atau haiwan ternakan.
- c) Polisi ini tidak melindungi sebarang barangan berharga yang semasa hilang bernilai RM5,000.00 atau ke atas kecuali barangan tersebut diisytiharkan khusus sebagai barangan berasingan, dipersetujui oleh Syarikat untuk dilindungi dan dinyatakan di dalam jadual polisi. Barangan berharga ditakrifkan sebagai sebarang permata dan/atau logam berharga, barang kemas, jam, lukisan, objek seni, barangan koleksi dan antik.

Untuk mengelakkan keraguan, Rumah Persendirian akan bermaksud mana-mana rumah persendirian yang dibina dengan Pembinaan Kelas 1A dan berada di bawah takrifan berikut: -

1. Dinding

Dinding luar setinggi paras cucur atap (tidak termasuk tingkap dan pintu) mestilah diperbuat dari:

- a) batu bata, batu binaan, konkrit, konkrit bertetulang, konkrit berudara autoklaf, blok berongga blok padat dan/atau kepingan batu tidak kurang dari 100mm (4in) tebal dan/atau

b) sebarang bahan lain yang mempunyai rintangan api sekurang-kurangnya 2 jam seperti disahkan oleh Badan BERKUASA

2. Lantai

Dibina menggunakan konkrit bertetulang

3. Bumbung

Tutupan luar diperbuat sepenuhnya daripada bahan tidak mudah terbakar

B. Isi Rumah Dialihkan Sementara

Seksyen ini akan melindungi, kecuali harta benda yang dialihkan buat sementara untuk dijual atau dipamerkan atau disimpan di tempat simpanan perabot dan tertakluk kepada semua Terma-terma Polisi ini, daripada semua risiko semasa ia dialihkan sementara daripada Rumah Persendirian tetapi kekal di dalam Malaysia, daripada semua Bencana kecuali Bencana 7, 8, dan 9 sebagai harta benda dalam transit atau pada orang tersebut, jika hartanah tersebut tidak dilindungi. Liabiliti Syarikat di bawah lanjutan ini akan terhad sehingga 15% daripada Jumlah Keseluruhan Diinsuranskan untuk Isi Rumah.

C. Kerosakan pada cermin

Syarikat akan melindungi Diinsuranskan daripada sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku pada cermin, selain daripada cermin tangan akibat pecah sewaktu berada di dalam Rumah Persendirian. Liabiliti Syarikat di bawah lanjutan ini terhad kepada RM500 untuk setiap unit semasa mana-mana satu insiden dan dalam agregat.

D. Harta benda pekerja dan tetamu

Syarikat akan melindungi melalui Diinsuranskan untuk kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh Bencana kepada pakaian dan barangan peribadi (selain daripada wang tunai, matawang asing, wang kertas dan setem) tetamu dan/atau pembantu rumah Diinsuranskan, jika harta benda tersebut belum dilindungi. Liabiliti Syarikat di bawah perlindungan ini adalah tertakluk kepada jumlah maksimum yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk mana-mana satu kerugian dan dalam agregat.

E. Liabiliti kepada orang awam

Syarikat akan melindungi Diinsuranskan daripada semua jumlah yang mungkin dipertanggungjawabkan ke atas Diinsuranskan secara undang-undang:

Sebagai pemilik rumah peribadi yang menghuni Rumah Persendirian tersebut untuk kemalangan di dalam atau sekitar Rumah Kediaman Persendirian.

Berlaku semasa Tempoh Insurans dan ia menyebabkan:

1. Kecederaan tubuh badan kepada mana-mana orang yang bukan ahli keluarga Diinsuranskan atau ahli rumah atau semasa mengalami Kecederaan tersebut merupakan pekerja Diinsuranskan.

2. Kerosakan pada harta benda yang bukan milik kepada atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan Diinsuranskan, ahli keluarga beliau atau ahli rumah atau pekerja beliau.

Tertakluk sentiasa bahawa amaun dibayar di bawahnya mengenai mana-mana satu kemalangan atau rangkaian kemalangan yang membentuk satu

kejadian tidak boleh pada bila-bila masa melebihi jumlah yang dinyatakan di bawah Jadual.

Syarikat juga akan melindungi Diinsuranskan untuk:

a) Kos dan perbelanjaan perundangan yang dituntut dari Diinsuranskan oleh mana-mana pihak yang menuntut dengan syarat kos dan perbelanjaan tersebut ditanggung sebelum tarikh (jika ada) Syarikat telah membayar atau menawarkan untuk membayar amaun penuh tuntutan tersebut atau jumlah amaun yang boleh dituntut untuk mana-mana satu peristiwa yang dinyatakan di sini;

b) kos dan perbelanjaan guaman yang ditanggung oleh Diinsuranskan yang telah dibenarkan oleh Syarikat.

Tertakluk bahawa Syarikat dalam apa jua cara, tidak bertanggungjawab ke atas:

A. kecederaan atau kerosakan yang timbul daripada atau disebabkan oleh:

a) pekerjaan atau perniagaan Diinsuranskan, atau

b) pemilikan, keempunyaan atau penggunaan oleh Diinsuranskan, sebarang lif, kenderaan, kapal, kapal terbang dalam apa jua bentuk.

c) melaksanakan sebarang perubahan, penambahan, pembaikan atau penghiasan kepada premis yang diinsuranskan.

B. Liabiliti yang timbul daripada sebarang kontrak indemniti yang dikenakan ke atas Diinsuranskan untuk liabiliti yang seharusnya tidak mengikat ke atas Diinsuranskan.

Jika Diinsuranskan meninggal dunia, Syarikat akan menyediakan perlindungan untuk liabiliti yang ditanggung kepada wakil peribadi Diinsuranskan menurut terma-terma dan tertakluk had-had di bawah Seksyen ini dengan syarat wakil peribadi tersebut mematuhi terma-terma dan had-had Polisi ini seumpama mereka adalah Diinsuranskan, setakat mana ia diguna pakai.

Seksyen ini tidak berkuatkuasa kepada mana-mana bahagian Rumah Kediaman Persendirian yang digunakan berkaitan dengan pekerjaan Diinsuranskan semasa bahagian Rumah Kediaman Persendirian tersebut digunakan.

Untuk tujuan seksyen ini, "Diinsuranskan" akan dianggap merangkumi suami atau isteri Diinsuranskan.

Had amaun liabiliti Syarikat di bawah Seksyen ini adalah RM50,000.00 untuk mana-mana satu kemalangan atau rangkaian kemalangan yang membentuk satu kejadian dan dalam agregat.

F. Tunai di Rumah

Syarikat akan melindungi Diinsuranskan terhadap kehilangan tunai akibat kecurian yang melibatkan penggunaan kegunaan dan paksaan untuk memecah masuk atau keluar dari rumah persendirian atau sebarang percubaan mencuri, dan oleh lain-lain bencana yang diinsuranskan seperti dinyatakan, dengan syarat liabiliti Syarikat di bawah perlindungan ini tertakluk kepada jumlah maksimum yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi untuk mana-mana satu kerugian dan dalam agregat.

G. **Tunai di ATM**

Syarikat akan melindungi Diinsuranskan daripada kehilangan tunai akibat pengeluaran di Mesin Juruwang Automik (ATM) di bawah ancaman perompak melibatkan penggunaan kegunaan dan paksaan untuk memecah masuk atau keluar dari rumah persendirian, dengan syarat liabiliti Syarikat di bawah perlindungan ini tertakluk kepada jumlah maksimum yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk mana-mana satu kerugian dan dalam agregat.

H. **Penginapan Alternatif**

Syarikat akan melindungi Diinsuranskan terhadap sebarang caj penginapan alternatif yang diperlukan apabila rumah Diinsuranskan menjadi tidak sesuai untuk didiami akibat kerugian atau kerosakan yang berpunca daripada bencana yang diinsuranskan. Liabiliti Syarikat di bawah perlindungan ini tertakluk kepada jumlah maksimum yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk mana-mana satu kerugian dan dalam agregat.

I. **Penggantian Kunci Luaran**

Syarikat akan melindungi Diinsuranskan terhadap kos yang ditanggung untuk menggantikan atau menukar kunci luaran akibat kecurian yang melibatkan penggunaan kegunaan dan paksaan untuk memecah masuk atau keluar dari rumah persendirian atau sebarang percubaan mencuri atau berpunca daripada bencana yang diinsuranskan, dengan syarat liabiliti Syarikat di bawah perlindungan ini tertakluk kepada jumlah maksimum yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk mana-mana satu kerugian dan dalam agregat.

J. **Makanan di dalam Peti Sejuk/Penyejuk Beku**

Syarikat akan membayar kepada Diinsuranskan jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat terhadap kerugian atau kerosakan kepada makanan yang disimpan di dalam peti sejuk/penyejuk beku yang berpunca daripada bencana yang diinsuranskan, dengan syarat liabiliti Syarikat di bawah perlindungan ini tertakluk kepada jumlah maksimum yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk mana-mana satu kerugian dan dalam agregat.

K. **Kemalangan Diri**

Jika berlaku kecederaan membawa maut kepada Diinsuranskan yang disebabkan oleh kemalangan, Syarikat akan membayar RM100,000.00 dengan syarat kematian berlaku dalam masa 12 bulan dari tarikh kecederaan maut tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, kemalangan bermaksud kecederaan tubuh badan yang disebabkan secara jelas dan langsung oleh cara yang ganas, luaran dan kelihatan yang, bebas daripada perkara lain, adalah penyebab tunggal dan langsung Kematian.

Adalah diperakui dan dipersetujui bahawa hanya Diinsuranskan pertama yang dinamakan di bawah Jadual Polisi akan dilindungi untuk tujuan insurans ini. Manfaat yang disediakan di sini sah di seluruh dunia, dua puluh empat (24) jam sehari.

L. **Liabiliti Peribadi**

Syarikat akan melindungi Diinsuranskan daripada semua jumlah yang mungkin dipertanggungjawabkan

ke atas Diinsuranskan secara undang-undang untuk kemalangan yang berlaku semasa Tempoh Insurans dan ia menyebabkan:-

- a) Kecederaan tubuh badan kepada mana-mana orang yang bukan ahli keluarga Diinsuranskan atau ahli rumah atau semasa mengalami Kecederaan tersebut merupakan pekerja Diinsuranskan.
- b) Kerosakan pada harta benda yang bukan milik kepada atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan Diinsuranskan, ahli keluarga beliau atau ahli rumah atau pekerja beliau.

Tertakluk sentiasa bahawa amaun dibayar di bawahnya mengenai mana-mana satu kemalangan atau rangkaian kemalangan yang membentuk satu kejadian tidak boleh pada bila-bila masa melebihi jumlah yang dinyatakan di bawah Jadual.

Syarikat juga akan, sebagai tambahan, melindungi Diinsuranskan untuk:

- a) Kos dan perbelanjaan perundangan yang dituntut dari Diinsuranskan oleh mana-mana pihak yang menuntut dengan syarat kos dan perbelanjaan tersebut ditanggung sebelum tarikh (jika ada) Syarikat telah membayar atau menawarkan untuk membayar amaun penuh tuntutan tersebut atau jumlah amaun yang boleh dituntut untuk mana-mana satu peristiwa yang dinyatakan di sini dengan syarat;
- b) kos dan perbelanjaan perundangan yang ditanggung oleh Diinsuranskan yang telah dibenarkan oleh Syarikat.

Tertakluk bahawa Syarikat dalam apa jua cara, tidak bertanggungjawab ke atas:

- i. kecederaan atau kerosakan yang timbul daripada atau disebabkan oleh:
 - a) profesion atau perniagaan Diinsuranskan, atau
 - b) pemilikan, keempunyaan atau penggunaan oleh Diinsuranskan, sebarang lif, kenderaan, kapal, kapal terbang dalam apa jua bentuk.
 - c) melaksanakan sebarang perubahan, penambahan, pembaikan atau penghiasan kepada premis yang diinsuranskan.
- ii. Liabiliti yang timbul daripada sebarang kontrak indemniti yang dikenakan ke atas Diinsuranskan untuk liabiliti yang seharusnya tidak mengikat ke atas Diinsuranskan.

Jika Diinsuranskan meninggal dunia, Syarikat akan menyediakan perlindungan untuk liabiliti yang ditanggung kepada wakil peribadi Diinsuranskan menurut terma-terma dan tertakluk kepada had-had di bawah Seksyen ini dengan syarat wakil peribadi tersebut mematuhi terma-terma dan had-had Polisi ini seumpama mereka adalah Diinsuranskan, setakat mana ia diguna pakai.

Manfaat yang disediakan di sini sah di Malaysia, dua puluh empat (24) jam sehari

Adalah diperakui dan dipersetujui bahawa hanya orang diinsuranskan pertama yang dinamakan di bawah Jadual Polisi akan dilindungi untuk tujuan insurans ini.

PENGECUALIAN

Polisi ini tidak melindungi:

1. Sebarang kerugian, kerosakan atau perbelanjaan lain yang disebabkan atau melalui, diakibatkan oleh, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana peristiwa berikut :-

- a) Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, keganasan atau operasi seumpama perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara.
- b) Dahagi, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau rakyat, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa atau rampasan ketenteraan, undang-undang tentera, atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengkalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan.
- c) Sebarang tindakan penganas:-
Adalah dipersetujui bahawa, tanpa mengambilkira sebarang faktor penyumbang, Polisi ini tidak melindungi sebarang kerugian yang dalam apa jua cara disebabkan atau disumbangkan oleh sebarang tindakan penganas termasuk penggunaan atau pelepasan sebarang senjata atau peranti nuklear, atau agen kimia atau biologi. Untuk tujuan pengecualian ini, tindakan penganas bermaksud tindakan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan keganasan dan/atau ancaman, oleh mana-mana individu atau berkumpulan, sama ada bertindak bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, komited untuk tujuan politik, keagamaan atau ideologi atau tujuan seumpamanya termasuk dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk meletakkan masyarakat awam atau mana-mana bahagian masyarakat tertentu dalam ketakutan

Sebarang kerugian, kerosakan atau perbelanjaan lain yang berlaku semasa berlakunya peristiwa luar kelaziman (sama ada fizikal atau sebaliknya), yang disebabkan atau melalui, diakibatkan oleh, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana kejadian tersebut akan dianggap sebagai kerugian, kerosakan atau perbelanjaan lain yang tidak dilindungi oleh Insurans ini, kecuali jika anda boleh membuktikan bahawa kerugian, kerosakan atau peristiwa lain berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan di luar kelaziman tersebut.

Di dalam mana-mana tindakan, guaman atau prosiding di mana Syarikat mendakwa bahawa berdasarkan peruntukan di bawah Pengecualian Am ini, sebarang kerugian, kerosakan atau kontigensi lain tidak dilindungi oleh insurans ini, maka Diinsuranskan perlu membuktikan bahawa kerugian, kerosakan atau kontigensi lain tersebut dilindungi.

2. (i) (a) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pemberhentian kerja; perampasan, penyitaan, rekuisisi, pemusnahan atau kerosakan kepada harta benda atas arahan Kerajaan de jure atau

de factor atau mana-mana atau pihak berkuasa Lembaga Perbandaran atau Pihak Berkuasa Tempatan negara atau kawasan di mana hartanah berada, atau hartanah mengalami fermentasi, kepanasan semula jadi atau pembakaran spontan atau oleh sebarang proses pemanasan atau pengeringan yang dijalani.

- (b) kerugian, kerosakan atau perbelanjaan lain yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau timbul dari, atau diakibatkan atau disumbangkan oleh bahan senjata nuklear.
- (ii) Kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan bentuk lain yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, berpunca dari atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut tanpa mengambilkira sebarang punca atau kejadian lain yang berlaku serentak atau dalam sebarang kesan sampingan lain kepada kerugian: -
 - a) radiasi terion dari atau pencemaran radioaktif dari mana-mana bahanapi nuklear atau dari sisa nuklear atau dari pembakaran bahanapi nuklear;
 - b) bahan radioaktif, toksik, mudah meletup atau bahan berbahaya atau mencemar daripada mana-mana pemasangan nuklear, reaktor atau lain-lain pemasangan nuklear atau komponen nuklear daripadanya.
 - c) sebarang senjata atau senjata perang yang menggunakan belahan dan/atau penggabungan atom dan/atau nuklear atau lain-lain tenaga atau perkara radioaktif atau reaksi seumpamanya.
3. Sebarang kerugian atau kerosakan lanjutan dalam apa jua bentuk.
4. "Liabiliti kepada Awam" dan "Liabiliti Peribadi" polisi ini mengecualikan semua tuntutan dan kerugian yang berdasarkan, timbul daripada, secara langsung atau tidak langsung, berpunca dari atau disebabkan oleh atau sebarang cara yang melibatkan:-
 - a) asbestos, atau
 - b) sebarang kecederaan atau kerosakan berkaitan asbestos, sebenar atau dakwaan, yang melibatkan penggunaan, kewujudan, pengesanan, pengalihan, penghapusan atau penghindaran asbestos atau pendedahan atau potensi pendedahan kepada asbestos.
5. **Pengecualian Khas kepada Manfaat K – Kemalangan Diri**
 1. Bunuh diri atau cubaan membunuh diri, mencederakan diri sendiri, memusnahkan diri sendiri atau cubaan melakukannya semasa waras atau tidak waras;
 2. Semasa melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan jenayah;
 3. Terlibat di dalam aktiviti bawah air dengan peralatan pernafasan dalam air lengkap (scuba), seni mempertahankan diri atau tinju, aktiviti udara seperti payung terjun, terjunan udara dan luncur udara, hoki ais, bermain polo, perlumbaan

berhalangan, luncur ski musim sejuk, perahu layar, ski air, menggunakan jentera perkayuan dengan kuasa mekanikal, perlumbaan (selain perlumbaan kaki), penetapan kelajuan atau terlibat di dalam sebarang ujian kelajuan atau percubaan kebolehpercayaan.

4. Melahirkan anak, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi daripadanya;
5. Sebarang bentuk penyakit, kesakitan, jangkitan atau parasit
6. Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC) tidak kira bagaimana sindrom ini dijangkiti atau mungkin dinamakan.
7. Kesan atau pengaruh alkohol (melebihi paras dibenarkan oleh undang-undang) atau penyalahgunaan dadah kecuali dadah tersebut diambil selaras dengan preskripsi oleh pengamal perubatan.
8. Kecacatan Kongenital
Sebarang keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud semasa lahir, serta keabnormalan fizikal neo-natal yang bermula dalam masa 6 bulan selepas dilahirkan (lebih dikenali sebagai Keadaan Kongenital) sama ada diketahui atau tidak diketahui oleh Diinsuranskan sebelum tarikh kuat kuasa Insurans.
9. Kecacatan Fizikal
Sebarang kecacatan/kekurangan fizikal sedia ada atau keadaan terencat akal sebelum tarikh kuat kuasa Insurans.
10. Kelayakan Penduduk
Polisi ini hanya sah apabila Diinsuranskan menetap di Malaysia. Jika Orang Diinsuranskan perlu berada di luar Malaysia untuk tempoh melebihi 6 bulan berturut-turut, polisi beliau menjadi tidak sah.
11. Ia adalah syarat mutlak dan syarat terdahulu kepada liabiliti Penginsurans, bahawa mana-mana Diinsuranskan yang dilindungi di bawah Polisi ini tidak, dalam apa jua cara, secara langsung atau tidak langsung terlibat di dalam pekerjaan/tanggungjawab yang di bawah:
 - a. Anggota Tentera Udara, Polis, Pengawal Keselamatan, Tentera Laut, Tentera Darat/Militari dan pegawai penguatkuasaan undang-undang
 - b. Penguji Pesawat, Juruterbang atau Krew Kapal Terbang
 - c. Krew Kapal dan Penyelam
 - d. Penyertaan dalam sebarang bentuk perlumbaan kelajuan
 - e. Joki
 - f. Orang yang terlibat di dalam aktiviti sukan profesional
 - g. Orang yang terlibat di dalam perlombongan dan penerowongan bawah tanah
 - h. Ahli Bomba
 - i. Kelasi dan nelayan laut
 - j. Wartawan Perang
 - k. Pekerja pelantar minyak

- l. Orang yang bekerja di bangunan tinggi, menara, tangga, serombong asap, syaf, relau bagas, jambatan, empangan dan dok
- m. Pekerja dok
- n. Pembuat, pengendali, penyimpan bahan letupan
- o. Orang yang terlibat di dalam perkhidmatan ambulans
- p. Pembalak, pekerja pembalakan, pemandu/kelindan lori balak dan mesin takal
- q. Orang yang menggunakan mesin kerja kayu sebagai pekerjaan sepenuh masa
- r. Pekerja perobohan
- s. Pekerja loji kimia
- t. Akrobat
- u. Pemandu Kenderaan Perlumbaan dan Pemandu Rali
- v. Pencuci Tingkap
- w. Pemandu pengangkutan awam seperti pemandu bas, pemandu teksi

Walau bagaimanapun, manfaat di bawah Insurans ini akan dibayar hanya untuk kematian lain-lain kerugian yang dilindungi di bawah Polisi semasa Diinsuranskan menjalani aktiviti peribadi dan sosial biasa di luar skop tugas Diinsuranskan sebagaimana dinyatakan di atas. Penginsurans berhak sepenuhnya untuk menolak perlindungan kepada mana-mana Diinsuranskan walaupun jika Diinsuranskan tidak terlibat di dalam mana-mana pekerjaan yang dinyatakan di atas.

SYARAT-SYARAT

1. **Kenyataan Selaras Dengan Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013**

Jika Diinsuranskan memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion Diinsuranskan, Diinsuranskan mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata di dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan ini (atau apabila Diinsuranskan memohon untuk insurans ini) iaitu Diinsuranskan dikehendaki menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah di dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Diinsuranskan, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Diinsuranskan selaras dengan remedi di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Diinsuranskan dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang Diinsuranskan tahu akan mempengaruhi keputusan Syarikat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Syarikat dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Diinsuranskan ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Syarikat, apa-apa maklumat yang dinyatakan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Diinsuranskan

- memohon untuk insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.
2. **Maksud**
Jadual Polisi dan Jadual Manfaat hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan mana-mana perkataan atau ekspresi yang mana maksud spesifik telah ditakrifkan di dalam mana-mana bahagian polisi ini atau di dalam Jadual atau Manfaat akan membawa maksud spesifik yang sama di mana sahaja ia tertera.
 3. **Manfaat**
Diinsuranskan tidak boleh dilindungi di bawah lebih daripada satu (1) Insurans Isi Rumah. Jika Diinsuranskan telah dilindungi di bawah lebih daripada satu (1) Polisi seumpamanya, Syarikat akan menganggap bahawa Diinsuranskan telah diinsuranskan di bawah Polisi yang menyediakan manfaat tertinggi. Apabila manfaat di bawah polisi tersebut adalah serupa, Syarikat akan menganggap bahawa Diinsuranskan telah dilindungi di bawah Polisi pertama yang dikeluarkan. Syarikat akan membayar balik sebarang bayaran premium insurans pendua yang mungkin telah dibuat oleh atau bagi pihak Diinsuranskan.
 4. **Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan**
Polisi ini akan berkuat kuasa seperti pada tarikh yang dinyatakan di dalam jadual polisi. Ulang tahun polisi adalah satu tahun selepas tarikh kuat kuasa insurans dan secara tahunan selepas itu. Pada ulang tahun tersebut, polisi ini diperbaharui pada kadar premium yang berkuat kuasa pada masa tersebut sebagaimana dimaklumkan oleh Syarikat. Polisi ini boleh diperbaharui mengikut opsyen Syarikat.
 5. **Perubahan Jumlah Insurans Diinsuranskan**
Perubahan jumlah diinsuranskan hanya diguna pakai untuk Manfaat A – Kerugian atau Kerosakan kepada Isi Rumah dan hanya boleh dibuat semasa tempoh polisi dengan tarikh kuat kuasa akan datang, ia boleh tertakluk kepada perubahan premium dan tertakluk kepada penerimaan oleh Syarikat.
 6. **Pembatalan Polisi**
Pembatalan oleh Diinsuranskan atau Syarikat boleh dilakukan dengan mana-mana pihak memberi notis empat belas (14) hari kepada pihak yang satu lagi dan tertakluk bahawa tiada tuntutan telah dibuat oleh Diinsuranskan semasa tempoh polisi semasa, Diinsuranskan berhak mendapat kembali premium dibayar secara pro-rata.
 7. **Undang-undang Berkuat Kuasa**
Polisi ini adalah di bawah undang-undang Malaysia, dan ia tertakluk kepada dan dikawalselia oleh undang-undang semasa Malaysia. Indemniti yang disediakan oleh Polisi ini tidak diguna pakai berkaitan dengan penghakiman yang tidak pada mulanya disampaikan oleh atau diperolehi daripada Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa di dalam Malaysia atau kepada pemerintah yang diperolehi dalam Mahkamah tersebut bagi penguatkuasaan penghakiman yang dibuat di luar Malaysia sama ada melalui perjanjian timbal balik atau sebaliknya.
 8. **Keseluruhan Kontrak: Perubahan**
Polisi ini, termasuk Jadual Polisi, pengendorsan, dan pindaan, jika ada, akan membentuk keseluruhan kontrak di antara kedua-dua pihak. Tiada perubahan di dalam Polisi ini akan sah kecuali ia diluluskan oleh Syarikat dan dibuktikan dengan pengendorsan atau pindaan.
 9. **Prosiding Undang-undang**
Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti, boleh dibuat untuk mendapat semula Polisi sebelum luput atau sembilan puluh (90) hari selepas bukti tuntutan telah difailkan selaraskan dengan syarat-syarat Polisi ini.
 10. **Perubahan dalam Risiko**
Kecuali dinyatakan, tiada sebarang perkara yang terkandung di sini yang akan memberi sebarang hak terhadap Syarikat kepada mana-mana orang lain selain Diinsuranskan. Tambahan lagi, Syarikat tidak terikat kepada sebarang pelepasan kepentingan Diinsuranskan selain daripada oleh kematian atau tindakan undang-undang dan sehingga Syarikat akan, melalui pengendorsan mengisytiharkan bahawa insurans diteruskan.
 11. **Hak Tuntutan**
Lanjutan daripada liabiliti Syarikat mengenai harta benda mana-mana orang selain Diinsuranskan tidak memberi sebarang hak tuntutan di bawah klausa ini kepada orang tersebut, dengan tujuan Diinsuranskan akan membuat tuntutan untuk dan bagi pihak orang tersebut dan penerimaan oleh Diinsuranskan akan melepaskan sepenuhnya liabiliti Syarikat di bawah ini.
 12. **Penginapan Tetamu Berbayar**
Penginapan tetamu berbayar, orang tumpangan atau penginap tidak melebihi tiga (3) orang dibenarkan tanpa prejudis untuk perlindungan yang diberikan di sini. Untuk tujuan Manfaat E – Liabiliti kepada Awam, tetamu berbayar, orang tumpangan atau penginap akan dianggap sebagai ahli rumah Diinsuranskan.
 13. **Liabiliti Maksimum**
Jumlah Diinsuranskan Keseluruhan yang diisytiharkan oleh Diinsuranskan mewakili tidak kurang daripada nilai penuh Isi Rumah yang Diinsuranskan dan jumlah liabiliti atau Syarikat yang berkaitan dengan kerugian atau kerosakan kepadanya akibat semua atau mana-mana Bencana semasa mana-mana satu Tempoh Insurans tidak boleh melebihi amaun yang dinyatakan untuk setiap Item masing-masing atau dalam agregat Jumlah Diinsuranskan Keseluruhan yang dinyatakan di dalam Jadual, atau sebarang jumlah atau jumlah-jumlah lain yang mungkin digantikan seterusnya oleh memorandum di sini atau dilampirkan kepadanya ditandatangani oleh atau bagi pihak Syarikat.
 14. **Sumbangan**
Jika semasa berlaku sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti yang dilindungi oleh Polisi ini terdapat mana-mana insurans lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya, Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas lebih daripada pembahagian perkadarannya
 15. **Notis**
Diinsuranskan dikehendaki memberi notis kepada Syarikat mengenai sebarang insurans atau insurans-insurans yang telah berkuat kuasa, atau mungkin akan

berkuat kuasa seterusnya, melindungi mana-mana harta benda yang diinsuranskan di sini, dan kecuali jika notis tersebut telah diberikan dan butiran insurans atau insurans-insurans tersebut dimasukkan ke dalam atau diendorskan kepada Polisi ini oleh atau bagi pihak Syarikat sebelum berlakunya mana-mana kerugian atau kerosakan, semua manfaat di bawah Polisi ini berkaitan dengan harta benda yang diinsuranskan tersebut akan dibatalkan.

16. **Prosedur Tuntutan Khas**

(Diguna pakai untuk Manfaat A – Kerugian atau Kerosakan kepada Isi Rumah, C – Kerosakan kepada Cermin, I – Penggantian Kunci Luaran, dan J – Makanan di dalam Peti Sejuk/Peyejuk Beku sahaja)

- a) Diinsuranskan dikehendaki, apabila berlaku sebarang kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang diinsuranskan, memberi notis secara bertulis dengan serta-merta kepada Syarikat dan di atas perbelanjaan beliau sendiri menghantar tuntutan secara bertulis kepada Syarikat dalam masa tiga puluh hari selepas berlakunya kerugian atau kerosakan tersebut berserta butiran dan bukti yang mungkin diperlukan. Jika kerugian atau kerosakan adalah disebabkan oleh kecurian atau cubaan mencuri, beliau mesti melaporkannya kepada pihak Polis dengan segera.
- b) Jika Syarikat membuat keputusan untuk mengembalikan semula mana-mana isi rumah/bangunan yang dilindungi, Diinsuranskan perlu memberikan kepada Syarikat semua pelan, spesifikasi dan kuantiti yang mungkin Syarikat perlukan.
- c) Apabila Diinsuranskan telah menerima notis mengenai sebarang kemalangan atau tuntutan, beliau mesti memberi notis bertulis mengenainya dengan serta-merta kepada Syarikat dengan memberikan butiran lengkap secara bertulis dan menghantar sebarang writ, saman atau lain-lain proses guaman yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap Diinsuranskan dan memberi semua maklumat dan bantuan yang diperlukan untuk membolehkan Syarikat menguruskan sebarang tuntutan atau menentang sebarang tuntutan atau memulakan prosiding
- d) Diinsuranskan tidak boleh menanggung sebarang perbelanjaan untuk memperbaiki sebarang kerosakan tanpa kebenaran bertulis Syarikat dan tidak boleh berunding, membayar, menyelesaikan, mengakui atau menolak sebarang tuntutan tanpa kebenaran Syarikat.

17. **Penyelamatan dan Subrogasi**

Syarikat berhak untuk:-

- a. Semasa berlaku mana-mana kerugian atau kerosakan kepada harta benda dilindungi, Syarikat berhak memasuki mana-mana bangunan di mana kerugian atau kerosakan tersebut berlaku dan boleh mengambil dan menyimpan pemilikan harta benda yang diinsuranskan tersebut dan berurusan untuk menyelamatkan dengan cara yang wajar, dan Polisi ini atau sebarang salinan yang diiktiraf oleh Syarikat akan menjadi bukti ke atas hak dan

lesen untuk tujuan tersebut. Harta benda tersebut tidak boleh ditinggalkan kepada Syarikat untuk diuruskan.

- b. Untuk menerima atas nama atau bagi pihak Diinsuranskan, perlakuan, kawalan dan penyelesaian mutlak sebarang prosiding dan untuk mengambil prosiding dengan perbelanjaan sendiri dan untuk kepentingan sendiri tetapi di atas nama Diinsuranskan untuk mendapatkan pampasan atau menyerahkan tanggungjawab kepada mana-mana pihak ketiga untuk sebarang perkara yang dilindungi oleh Polisi ini.

18. **Pembatalan**

Jika sebarang tuntutan di bawah Polisi ini dilakukan secara penipuan atau jika sebarang kaedah penipuan telah digunakan oleh Diinsuranskan atau sesiapa yang bertindak bagi pihak beliau untuk mendapat sebarang manfaat di bawah Polisi ini, semua manfaat di sini akan terbatal.

19. **Timbang Tara**

Jika timbul sebarang percanggahan mengenai amaun sebarang kerugian atau kerosakan maka percanggahan tersebut akan bebas daripada sebarang persoalan lain, dirujuk kepada keputusan seorang penimbang tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelingkah atau jika mereka tidak bersetuju atas seorang Penimbang Tara, ia akan dirujuk kepada keputusan dua orang yang tidak berkepentingan sebagai penimbang tara, yang mana salah seorang dilantik secara bertulis oleh setiap satu pihak dalam masa dua bulan kalendar selepas dikehendaki untuk berbuat demikian secara bertulis oleh mana-mana satu pihak. Sekiranya mana-mana pihak menolak atau gagal melantik penimbang tara dalam masa dua bulan kalendar selepas menerima notis bertulis yang memerlukan pelantikan, pihak yang satu lagi berhak untuk melantik penimbang tara tunggal; dan jika atau penimbang tara tidak mencapai persetujuan, perbezaan tersebut akan dirujuk kepada keputusan seorang pengadil yang dilantik secara bertulis oleh mereka sebelum memasuki rujukan, dan akan bersidang bersama penimbang tara serta mempengerusikan mesyuarat mereka. Kematian mana-mana pihak tidak akan membatalkan atau menjejaskan kuasa atau hak penimbang tara, para penimbang tara atau pengadil, dan jika berlaku kematian penimbang tara, para penimbang tara atau pengadil, penimbang tara atau pengadil lain akan dilantik menggantikannya oleh pihak bertelingkah atau penimbang tara (yang mana berkaitan) yang melantik penimbang tara atau pengadil yang sedang nazak tersebut. Kos atau rujukan dan Award adalah atas budi bicara penimbang tara, para penimbang tara atau pengadil yang memberikan award tersebut. Dan dengan ini dinyatakan dan diperakui bahawa ia akan menjadi syarat-syarat terdahulu sebelum apa-apa hak tindakan atau saman dibuat ke atas Polisi ini bahawa Award amaun kerugian atau kerosakan oleh penimbang tara, para penimbang tara jika dipertikaikan telah diperolehi lebih dahulu.

20. **Penjagaan Premis**

Diinsuranskan dikehendaki mengambil semua langkah dan penjagaan yang sewajarnya untuk memastikan premis berada di dalam keadaan yang baik, dan jika Diinsuranskan adalah pemilik rumah Kediaman Persendirian tersebut, jika mendapati terdapat kerosakan padanya maka kerosakan tersebut perlu diperbaiki secepat mungkin, dan dalam pada itu, langkah berwaspada perlu diambil untuk mencegah kecederaan, kerugian atau kerosakan sebagaimana diperlukan dan Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas kecederaan, kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kesilapan yang gagal Diinsuranskan tangani selepas menerima notis mengenai kerosakan tersebut sama ada daripada Syarikat atau mana-mana orang atau pihak awam.

21. **Pengembalian Jumlah Diinsuranskan**

Jika berlaku kerugian, perlindungan insurans di sini akan kekal berkuatkuasa untuk nilai jumlah penuh yang dilindungi, dan Diinsuranskan perlu membayar premium tambahan pada kadar yang dinyatakan dalam Polisi, yang dikira berdasarkan amaun kerugian dengan kadar pro rata bermula dari tarikh kerugian dialami hingga akhir tempoh insurans semasa.

Pengembalian Jumlah Diinsuranskan tidak sah untuk Manfaat A – Kerugian atau Kerosakan kepada Isi Rumah kecuali diluluskan secara spesifik dan diendorskan di sini oleh Syarikat.

22. **Nilai Pasaran**

Jika berlaku kerugian atas harta benda yang diinsuranskan di sini, Syarikat akan membayar nilai diinsuranskan atau nilai pasaran harta benda yang diinsuranskan, yang mana lebih rendah, selepas menolak sebarang lebihan dan amaun yang perlu Diinsuranskan bayar di bawah polisi ini.

Untuk tujuan syarat ini, terma 'nilai pasaran' bermaksud nilai harta benda diinsuranskan semasa berlaku kerugian atau kerosakan, ditolak peruntukan untuk haus dan lusuh dan/atau susut nilai.

Nilai Pasaran harta benda diinsuranskan akan, untuk tujuan syarat ini, ditentukan melalui penilaian yang Syarikat perolehi daripada pengilang, ejen atau ejen yang diberi kuasa, broker yang diberi kuasa, pengedar yang diberi kuasa atau kontraktor bangunan mengenai kos penggantian atau pembinaan semula, tertakluk kepada penggunaan susut nilai sewajarnya, ke atas harta benda diinsuranskan yang mengalami kerosakan atau kerugian, sebagaimana ketika kerosakan atau kerugian tersebut berlaku.

Jika semasa kerosakan atau kerugian berlaku, tidak ada pengilang, ejen atau ejen yang diberi kuasa, broker yang diberi kuasa, pengedar yang diberi kuasa atau kontraktor bangunan untuk harta benda diinsuranskan tersebut, penilaian daripada Ajuster Kerugian berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Jurunilai Berdaftar di bawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981, dan dilantik secara bersama oleh kedua-dua pihak. Penilaian oleh pengilang, ejen atau ejen yang diberi kuasa, broker yang diberi kuasa, pengedar yang diberi kuasa, kontraktor bangunan, Ajuster Kerugian berlesen di

bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Jurunilai Berdaftar di bawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981 tersebut adalah bukti muktamad mengenai nilai pasaran harta benda dilindungi di dalam sebarang prosiding terhadap Syarikat.

23. **Bayaran Sebelum Perlindungan**

Adalah menjadi syarat khas asas dan amat penting di dalam kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dijelaskan mestilah dibayar dan diterima oleh Syarikat sebelum perlindungan bermula.

24. **Syarat Khas kepada Manfaat K – Kemalangan Diri**

A. Tuntutan

a. Tuntutan bertulis mestilah diberikan kepada kami dalam masa 30 hari selepas berlaku sebarang kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan di dalam Polisi ini. Kegagalan memberi notis dalam masa yang ditetapkan tidak akan membatalkan sebarang tuntutan jika ia dapat dibuktikan bahawa notis tersebut tidak dapat diserahkan atas sebab-sebab yang wajar dan ia telah diserahkan sebaik sahaja ianya dapat dilakukan;

b. Jika Diinsuranskan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak anda telah melakukan penipuan tuntutan di bawah Polisi ini atau terlibat di dalam sebarang aktiviti penipuan sebagai cara untuk mendapatkan manfaat di bawah Polisi ini, semua manfaat dibayar yang berkaitan dengan Polisi ini akan dibatalkan;

c. Kami mempunyai hak dan peluang untuk memeriksa Diinsuranskan yang cedera seberapa kerap yang diperlukan dan untuk membuat bedah siasat di dalam kes kematian di mana ia tidak dilarang oleh undang-undang;

d. Tanpa kebenaran bertulis, Diinsuranskan tidak akan menolak liabiliti, berunding atau membuat pengakuan, tawaran, janji untuk membayar berkaitan dengan mana - mana kemalangan atau tuntutan dan kami berhak untuk mengambil-alih jika perlu dan melakukan tuntutan pembelaan dibawah nama anda atau melakukan pendakwaan di bawah nama kami dengan perbelanjaan kami dan untuk faedah sendiri sebarang tuntutan untuk indemniti atau kerosakan atau mendakwa sesiapa sahaja dan mempunyai budibicarasepenuhnya dalam pengendalian sebarang prosiding dan dalam penyelesaian mana-mana tuntutan; anda dan/atau keluarga anda hendaklah memberi semua maklumat dan bantuan yang berkenaan seperti yang kami mungkin diperlukan.

B. Pembatalan Automatik

Polisi ini dianggap terbatal apabila berlaku kejadian berikut, yang mana lebih awal:

a. Serta-merta apabila Diinsuranskan mencapai umur 65 tahun, tepat pada tarikh lahir;

b. Apabila Diinsuranskan meninggal dunia akibat kemalangan yang menyebabkan timbulnya

tuntutan di mana manfaat penuh 100% Amaun Jumlah Prinsipal Diinsuranskan sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual Manfaat telah dibayar.

C. Bayaran Manfaat

Manfaat yang dibayar di bawah Polisi ini akan dibayar kepada Diinsuranskan, jika ia melibatkan kematian Diinsuranskan, manfaat akan dibayar kepada Benefisiari yang dinamakan atau estet beliau. Jika tidak ada Benefisiari dinamakan, begitu juga jika Diinsuranskan beragama Islam, maka bayaran manfaat di bawah Polisi ini hanya boleh ditentukan oleh Undang-Undang Islam yang berkaitan dan Undang-undang Shariah yang berkenaan.

WARANTI / KLAUSA

1. Waranti Sekatan Barang Dagangan

Dijamin bahawa semasa Polisi ini berkuat kuasa, tiada bahagian premis yang dinyatakan di sini digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang dagangan.

2. Klausu Kecurian secara Muslihat (Penipuan)

Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau berpunca dari tindakan penipuan oleh mana-mana orang yang termasuk dalam maksud takrifan kesalahan penipuan yang dinyatakan di bawah Kanun Keseksaan:

Penipuan sebagaimana ditakrifkan di dalam Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:-

Mana-mana orang yang dengan memperdayakan orang lain, secara fraud atau dengan tidak jujur mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menyerahkan apa-apa harta benda atau dengan sengaja mendorong orang diperdayakan supaya tertipu untuk melakukan atau meninggalkan daripada melakukan apa-apa yang beliau tidak akan melakukan atau tinggalkan jika dia tidak diperdayakan untuk berbuat demikian, dan yang mana tindakan atau ketinggalan telah menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau kemudaratan kepada orang tersebut terhadap tubuh badan, minda, reputasi atau harta benda, dikatakan sebagai telah 'menipu'.

3. Klausu Pelepasan Purata

Jika harta benda diinsuranskan, semasa berlaku mana-mana kerugian, secara kolektifnya bernilai lebih tinggi daripada jumlah diinsuranskan di sini, maka Diinsuranskan akan dianggap sebagai Penginsurans sendiri untuk perbezaan nilai tersebut, dan bertanggungjawab ke atas perkadaran pembahagian untuk kerugian tersebut.

Dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa tanpa mengambilkira pengisytiharan jumlah yang diinsuranskan setiap satu di dalam polisi, purata akan diguna pakai seolah-olah rujukan mengenai harta benda tersebut adalah berkenaan dengan semua harta benda sama diinsuranskan di lokasi yang sama diinsuranskan di sini.

Insurans ini tidak tertakluk kepada purata jika jumlah diinsuranskan melebihi 85% daripada nilai harta benda yang diinsuranskan pada masa berlakunya kerugian.

4. Klausu Polisi Tidak Dinilai

Ini adalah polisi tidak dinilai. Diinsuranskan bertanggungjawab untuk membuktikan nilai sebenar harta benda yang diinsuranskan pada masa berlakunya kemusnahan atau jumlah sebenar kerosakan tersebut.

5. Klausu Sepasang Dan Set

Dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa tanpa mengambilkira sebarang perbezaan yang terkandung di dalam polisi ini, jika mana-mana item diinsuranskan termasuk barangan yang berbentuk sepasang atau set, Syarikat tidak bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada nilai mana-mana bahagian atau pasangan tertentu yang telah hilang, tanpa merujuk kepada mana-mana nilai istimewa yang mungkin dimiliki oleh barangan tersebut dalam bentuk sepasangan atau set.

6. Nilai Dipersetujui Untuk Objek Seni, Lukisan, Barang Antik, Jam, Barang Kemas, Permata/Logam Berharga Seperti Emas, Perak, Platinum, Dan Barangan Seumpamanya

Tanpa mengambilkira sebarang perbezaan yang terkandung di dalam polisi ini, dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa jika harta benda diisytiharkan yang diinsuranskan telah hilang, musnah atau rosak sepenuhnya oleh mana-mana bencana yang diinsuranskan terhadapnya, liabiliti Penginsurans tidak boleh melebihi nilai dipersetujui yang dinyatakan di dalam jadual di bawah:-

Harta Benda Diinsuranskan dan Nilai Dipersetujui Seperti dinyatakan di dalam Jadual Polisi

Tanpa mengambilkira sebarang perbezaan yang terkandung di dalam polisi ini, jika mana-mana item diinsuranskan termasuk barangan yang berbentuk sepasang atau set, Syarikat tidak bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada nilai mana-mana bahagian atau pasangan tertentu yang telah hilang, tanpa merujuk kepada mana-mana nilai istimewa yang mungkin dimiliki oleh barangan tersebut dalam bentuk sepasangan atau set

Tertakluk kepada terma-terma pengecualian dan syarat-syarat polisi.

7. Tertakluk bahawa semua syarat di dalam Polisi ini hendaklah diguna pakai seolah ianya terkandung di dalam ini dan untuk tujuan ini, sebarang kerugian atau kerosakan yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai kerugian atau kerosakan akibat kebakaran.

8. Klausu Nilai Pembinaan Semula (diguna pakai untuk Harta Benda yang Diinsuranskan berusia kurang dari 5 tahun dari tarikh pengeluaran dan tarikh kerugian/kerosakan)

Tanpa mengambilkira sebarang perbezaan yang terkandung di dalam Syarat Am 22 polisi ini, dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa jika harta benda yang diinsuranskan di bawah polisi ini musnah atau rosak, asas pengiraan untuk amaun yang perlu

dibayar untuk setiap perkara di bawah polisi akan dikira berdasarkan kos penggantian atau pembinaan semula harta benda di tapak yang sama dengan bentuk atau jenis yang sama tetapi bukan lebih baik atau lebih besar daripada harta benda yang diinsuranskan semasa ia baru dibina, tertakluk kepada Peruntukan Khas berikut dan juga tertakluk kepada terma dan syarat polisi kecuali setakat yang sama dengan yang mungkin berbeza di sini.

Peruntukan Khas

1. Kerja-kerja penggantian atau pembinaan (yang mungkin dilakukan di tapak lain dan melalui sebarang cara yang memenuhi keperluan Diinsuranskan selagi ia tidak meningkatkan liabiliti Syarikat) mestilah bermula dan dijalankan dalam tempoh yang wajar dan hendaklah disiapkan dalam masa 12 bulan selepas kemusnahan atau kerosakan, atau dalam mana-mana tempoh yang mendapat kebenaran bertulis dari Syarikat (semasa 12 bulan tersebut), jika tidak, tiada bayaran akan dibuat selain daripada yang sepatutnya dibayar di bawah polisi ini seandainya memorandum yang terkandung di sini tidak wujud.
2. Sehingga perbelanjaan telah ditanggung oleh Diinsuranskan untuk mengganti atau membina semula harta benda yang musnah atau rosak tersebut, Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang bayaran yang lebih daripada yang sepatutnya dibayar di bawah polisi ini seandainya memorandum yang terkandung di sini tidak wujud
3. Jika semasa penggantian atau pembinaan semula dibuat, jumlah yang mewakili kos yang sepatutnya ditanggung untuk mengganti atau membina semula jika seluruh harta benda yang dilindungi telah musnah adalah melebihi nilai dilindungi untuk sebarang kebakaran atau semasa permulaan sebarang kemusnahan atau kerosakan ke atas harta benda tersebut yang disebabkan oleh bencana lain yang turut diinsuranskan di dalam polisi ini, maka Diinsuranskan akan dianggap sebagai Penginsurans sendiri untuk lebihan tersebut dan perlu membayar perbezaannya. Setiap perkara di bawah polisi ini (jika lebih dari satu) yang mana Memorandum diguna pakai akan menjadi perkara berasingan untuk peruntukan ini.
4. Memorandum ini tidak berkuat kuasa jika -
 - a. Diinsuranskan gagal memaklumkan kepada Syarikat dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh kemusnahan atau kerosakan berlaku atau sebarang tempoh lain yang dibenarkan secara bertulis oleh Syarikat, membenarkan hasrat beliau untuk mengganti atau membina semula harta benda yang telah musnah atau rosak.
 - b. Diinsuranskan tidak dapat atau tidak mahu mengganti atau membina semula harta benda yang telah musnah atau rosak di tapak yang sama atau berlainan.

Tiada bayaran akan dibuat melebihi yang sepatutnya dibayar di bawah polisi ini seandainya memorandum yang terkandung di sini tidak wujud, jika semasa kemusnahan atau kerosakan berlaku ke atas harta benda diinsuranskan di sini, harta benda tersebut akan dilindungi oleh insurans lain yang telah

dilanggan oleh, atau dilanggan bagi pihak Diinsuranskan yang mana ia tidak mempunyai asas bersamaan dengan pembinaan semula yang ditetapkan di sini.

NOTIS KEPADA PEMEGANG POLISI

Sila memeriksa Polisi insurans untuk memastikan ianya memenuhi keperluan **Anda**.

Untuk mengelakkan salah faham, adalah sangat penting Polisi, Jadual dan sebarang pengendorsan disertakan di sini dibaca bersama secara terperinci.

Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang aduan atau keraguan berkaitan dengan Polisi **Anda**, sila hubungi ejen **Anda**, sekiranya ada atau berhubung dengan pejabat yang mengeluarkannya. Kami memastikan aduan **Anda** dilayani dengan segera.

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

Sebagai Penanggung Insurans yang bertanggungjawab, **Kami** ingin membawa kepada perhatian **Anda** bahawa **Anda** boleh mengemukakan ketidakpuasan **Anda** kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau Biro Perkhidmatan Pelanggan (CSB) Bank Negara seperti yang ditunjukkan di bawah.

BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT ADUAN

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan mana-mana aspek perkhidmatan **Kami**, **Kami** ingin mendengar daripada **Anda**. **Anda** boleh membuat aduan dalam bentuk apa jua yang paling selesa dengan **Anda** samada melalui panggilan telefon kepada operator **Kami** atau, secara bertulis, fax atau e-mel aduan **Anda** kepada:

Unit Pengendalian Aduan

RHB Insurance Berhad
Aras 12B, West Wing, The Icon
No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak,
55000 Kuala Lumpur
Tel: 1300-220-007
Faks: 03-2163 7277
E-mel : complaints_unit@rhbinsurance.com.my

Kami akan berusaha untuk bertindak balas kepada aduan **Anda** dalam masa empat belas (14) hari. Jika Kami tidak dapat menyelesaikan perkara tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan seandainya rumit, **Anda** akan diberitahu tentang perkembangan yang telah dibuat tentang aduan **Anda** tersebut.

Anda boleh membantu Kami untuk memberi tindak balas secepat mungkin dengan memberi **Kami** maklumat-maklumat berikut:

1. Nama, alamat dan nombor untuk dihubungi
2. No Nota Perlindungan / No. Polisi / No. Tuntutan

Sekiranya setelah mengambil langkah-langkah di atas dan **Anda** masih tidak berpuas hati, **Anda** boleh menulis ke:

Unit Pengurusan Aduan

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)

Tingkat 14, Blok Utama

Menara Takaful Malaysia

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman

50000 Kuala Lumpur

Tel: 03-2272 2811

Faks: 03-2272 1577

E-mel : enquiry@ofs.org.my

Laman Web : www.ofs.org.my

Jika Pengantara membuat keputusan yang tidak menyebelahi Kami, **Anda** diminta untuk memberitahu Pengantara mengenai keputusan **Anda** untuk menerima atau menolak keputusan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari.

Jika **Anda** tidak menerima keputusan tersebut, **Anda** boleh menolak keputusan Pengantara. **Anda** bebas untuk

mengambil tindakan mahkamah ke atas Kami atau merujuk kepada Timbangtara.

Sebagai pilihan, **Anda** boleh menghantar ketidakpuasan hati **Anda** terhadap tindakan Kami secara bertulis kepada Bank Negara Malaysia dengan memberi secara terperinci maklumat aduan **Anda** dan informasi **Polisi Anda** kepada:

BNMTELELINK

Jabatan Komunikasi Korporat

Bank Negara Malaysia

Peti Surat 10922

50929 Kuala Lumpur

Tel: 1300-88-5465 (LINK)

Faks: 03-2174 1515

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

Laman Web : www.insuranceinfo.com.my

HEAD OFFICE / IBU PEJABAT	CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE / KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN	CALL CENTRE / PUSAT PANGGILAN
Level 12, West Wing, The Icon, No.1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur Tel : 03 - 2180 3000 Fax : 03 - 9281 2729 Website : www.rhbgroup.com/insurance	Level 1, Tower Three, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur Tel : 1300-220-007 Fax : 03 – 2163 7277 Email : rhbi.general@rhbgroup.com	Claims Inquiries : 03 - 2180 3030